

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 27**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status perkembangan terkini bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC).

**JAWAPAN:** **YB DATUK LIEW VUI KEONG,**  
**MENTERI DI JABATAN MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 (RUU IPCMC) telah dibacakan untuk kali yang pertama di Dewan Rakyat ini pada 18 Julai 2019 yang lalu oleh pihak Kerajaan.
2. Bacaan kali kedua di Dewan Rakyat telah diadakan pada 7 Oktober 2019 dan seterusnya RUU tersebut telah diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang untuk penelitian dan penambahbaikan lanjut.
3. Laporan daripada Jawantkuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang bagi RUU IPCMC telah dimuktamadkan dan dibentangkan pada 27 November 2019.
4. Kerajaan kemudiannya pada 3 Disember 2019 telah membawa usul di bawah Peraturan 62, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk menangguhkan bacaan kali kedua RUU IPCMC ini ke sidang Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas, 2020. Sekian, terima kasih.